

MAHATHIR - KERJA R.R.R.

1982

KOTA BAHARU, 19 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, RAKYAT NEGARA INI MESTILAH SANGGUP MELAKSANAKAN APA SAJA KERJA DENGAN TEKUN DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DEMI MENGEKALKAN KEMERDEKAAN NEGARA DAN HAK-HAK YANG ADA PADA MEREKA.

RAKYAT MALAYSIA AKAN MENGHADAPI BERBAGAI-BAGAI MASAALAH, KHUSUSNYA BERHUBUNG DENGAN HAKNYA SEBAGAI SEORANG RAKYAT SEKIRANYA MEREKA MEMILIH-MILIH PEKERJAAN DAN MEMBIARKAN ORANG LAIN MENGISI KEKOSONGAN ITU, BEDANGKAN MEREKA SENDIRI BOLEH MELAKUKANNYA, KATA PERDANA MENTERI.

BERUCAP MERASMIKAN KONVENSEN UMNO KELANTAN DI KEM KIJANG, DEKAT SINI, PETANG INI, PERDANA MENTERI BERKATA, RAKYAT MALAYSIA, KHUSUSNYA ORANG MELAYU AKAN MENJADI LEMAH DAN TERTINGGAL DI BELAKANG SERTA DITAKLUKI OLEH ORANG LAIN SECARA TIDAK LANGSUNG.

BELIAU LALU MENYERU ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA MENERANGKAN KEPADA RAKYAT MAKNA SEBENAR KEMPEN 'BEKERJA KUAT' YANG DISARANKAN OLEH KERAJAAN DALAM KONTEKS KEBANGSAAN.

MENURUTNYA, SEJARAH TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA NEGARA INI TIDAK MUNGKIN BOLEH MENJADI SEBUAH NEGARA BERBILANG KAUM SEKIRANYA ORANG MELAYU SANGGUP BEKERJA DALAM SETIAP BIDANG YANG ADA.

-- LAGI 1850/MB

MAHATHIR - KERJA 2 KOTA BAHARU R.R.R.

MALANGNYA, UJAR BELIAU, ORANG-ORANG MELAYU SEBELUM NEGARA INI MENCAPAI KEMERDEKAAN ENGGAN BEKERJA DI SEKTOR-SEKTOR PERLOMBONGAN ATAU PERLADANGAN GETAH.

INI, KATANYA, TELAH MENDORONG PENJAJAH MEMBAWA MASUK DENGAN RAMAINYA PEKERJA-PEKERJA ASING SEHINGGA LAMA KELAMAAN ORANG-ORANG MELAYU SENDIRI MENJADI LEMAH DAN TERPAKSA MENGAKUI BAHAWA ORANG-ORANG YANG PADA MULANYA DIANGGAP ASING ITU JUGA MEMPUNYAI HAK SEBAGAI RAKYAT NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, LANGKAH MEMBERIKAN HAK KEPADA ORANG-ORANG ASING ITU ADALAH WAJAR DAN MENURUT LUNAS-LUNAS KEADILAN.

"BAGAIMANAPUN, JIKA ORANG MELAYU TERUS ENGGAN BERUSAHA DAN BEKERJA DALAM SEKTOR-SEKTOR TERTENTU, MEREKA SUDAH PASTI AKAN MENGHADAPI MASALAH YANG LEBIH BERAT DI SATU MASA KELAK," TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBIDAS RAKYAT NEGARA INI, KHUSUSNYA DARI KELANTAN YANG BERHIJRAH KE NEGARA-NEGARA LAIN SEPERTI SINGAPURA DAN TIMUR TENGAH KERANA TINDAKAN ITU TIDAK MEMBANTU MEMBANGUNKAN MALAYSIA.

SEBALIKNYA, UJAR BELIAU, GOLONGAN SEUMPAMA ITU BOLEH MENYUMBANGKAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA SENDIRI SEKIRANYA MEREKA BERHIJRAH KE NEGERI-NEGERI DALAM MALAYSIA. --LAGI 1908/MB

MAHATHIR-KERJA 3 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, ADALAH SALAH ANGGAPAN SETENGAH-SETENGAH PIHAK KONONNYA KEMPEN +BEKERJA KUAT+ YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN ITU AKAN MEMBUAT SESEORANG MENJADI SEPerti ROBOT YANG HANYA TAHU MENERIMA ARAHAN DAN TIDAK TAHU BERFIKIR.

MENURUTNYA, DI SAMPING AKAN MENINGGIKAN PENDAPATAN DAN TARAF HIDUP MEREKA, SIFAT TEKUN BERUSAHA JUGA AKAN MEMBANTU MENGEKALKAN KEDAULATAN NEGARA, BANGSA DAN AGAMA.

PERDANA MENTERI SELAKU PRESIDEN UMNO JUGA MENERU ANGGOTA-ANGGOTA PARTI ITU SUPAYA TURUT CERGAS DAN MENUNJUKKAN MINAT DALAM SEMUA BIDANG TERMASUK POLITIK, EKONOMI DAN SOSIAL. BAGI MENJAMIN KEUTUHAN UMNO KHASNYA DAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG BERTERUSAN.

ANGGOTA-ANGGOTA UMNO JUGA HENDAKLAH MENOLEH KE BELAKANG DAN MENKAKAJI APAKAH KEJAYAAN-KEJAYAAN DAN KEGAGALAN-KEGAGALAN YANG TELAH DILALUI OLEH NEGARA INI DALAM TEMPUH 25 TAHUN SELEPAS NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN.

MENURUTNYA, SEJARAH HENDAKLAH DIJADIKAN PANDUAN KERANA SESIAPA YANG MENGABAIKAN SEJARAH AKAN MENEMUI KEGAGALAN PADA SATU HARI KELAK.

BELIAU BERKATA, BANYAK KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI OLEH NEGARA INI DALAM TEMPUH TERSEBUT. TETAPI KEGAGALAN-KEGAGALAN DAN PUNCA-PUNCA TERJADINYA KEGAGALAN ITU TIDAK HARUS DILUPAKAN.

-- LAGI 1925/52

8639

MAHATHIR-KERJA 4 KOTA BAHARU

MENYENTUH TENTANG KONVESEN UMNO, PERDANA MENTERI BERKATA, IA MERUPAKAN SATU SALURAN YANG BETUL BAGI ANGGOTA-ANGGOTA MENYUARAKAN PANDANGAN DAN PENDAPAT UNTUK DIDENGAR OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI DAN KERAJAAN.

+ PANDANGAN RAKYAT YANG TIDAK DIPEDULIKAN TIDAK AKAN MENGUNTINGKAN NEGARA DAN PANDANGAN YANG DIBIARKAN TERPENDAM AKAN MELETUP SERTA BOLEH MENYEBABKAN RAKYAT TIDAK PUASHATI DAN NEGARA TERGUGAT, + KATANYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA, KONVENSEN BUKANLAH TEMPATNYA UNTUK SESEORANG ANGGOTA MENIMBULKAN EMOSI YANG MELAMPAU ATAU MEMBURUK BURUKKAN KERAJAAN DAN PARTI.

PERBUATAN MEMBURUK-BURUKKAN KERAJAAN DAN PARTI DALAM SESUATU KONVENSEN BOLEH MENJADI SENJATA YANG AKAN MENIKAM DIRI SENDIRI OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG YANG KEKERINGAN MODAL DAN MEMANG SENTIASA MENUNGGU UNTUK MENANGGUK DI AIR KERUH.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU TERMASUK ISTERI PERDANA MENTERI, DATIN SERI DR. SITI HASMAH, MENTERI KEWANGAN SELAKU KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI KELANTAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DAN MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMAD YAACOB. -- BERNAMA 1930/52